ديوان ايكونومي

DEWAN

# EKONOMI

*Wadah Ekonomi Mutakhir*



## FUTURITY RESOURCES

**Terajui Pendidikan dengan Aplikasi StudentQR**

**YED HUZAIFAH SYED OMAR**

*engasas dan*
*etua Pegawai Eksekutif*
*uturity Resources Sdn. Bhd.*


Brunei Darussalam : B$ 6.50 | Singapura : S$ 6.50

KK 330-91227-0520
SSN 0128-8520
05
770128 852133


Dewan Ekonomi DBP
majalahdewanekonomidbp
MalaysiaMembaca

DBP

# Kandungan

JILID 27 • BIL. 05 2020 / 1441H • KK 330 91227 0520 • ISSN 0128-8520

**2 Nota Editor**
- Tentang Inovasi, Kreativiti dan Otak Kita

**3 Rencana Utama**
- Merangsang Daya Kreatif, Menjanakan Upaya Inovatif
- Mengintegrasikan Inovasi dalam Pelaksanaannya
- Pembangunan Teknologi dan Inovasi

**12 Bicara Kolumnis**
- COVID-19: Cabaran Ekonomi Malaysia

**17 Ekonomi Dalam Negeri**
- Kebajikan Rakyat Penakatan Ekonomi
- Peranan Jawatankuasa Reformasi Cukai

**25 Ekonomi Islam**
- Modal Insan Kompeten Menurut Islam

**28 Pengguna**
- Strategi Tangani Peningkatan Kos Sara Hidup

**42 Ekonomi Antarabangsa**
- COVID-19 Ranapkan Asia
- Pasaran Runtuh Industri Lumpuh

**52 Pengurusan dan Strategi**
- Kesejahteraan B40 melalui Keusahawanan

**32-39**
*Korporat*
**FUTURITY RESOURCES: Terajui Pendidikan dengan Aplikasi StudentQR**

**40-41**
*Tokoh Korporat*
**Manfaatkan Teknologi untuk Membentuk Sahsiah Pelajar**

**55 Berita Ekonomi**
- Projek Kereta Elektrik Baharu Hyundai Prophecy
- Apple Tangguh Pelancaran iPhone 12 kerana COVID-19
- Benelli TNT135SE Tampil dengan Warna Baharu
- AirAsia Bantu Perniagaan Terjejas melalui Kempen S.O.S

**57 Industri**
- Kenaf Bakal Jadi Komoditi Utama Negara?

**60 Perusahaan Tani**
- DAN 2.0 dan Jaminan Sekuriti Makanan




# Ringkasan Kulit

**FUTURITY RESOURCES** lebih dikenali dalam sektor pendidikan negara kerana menghasilkan aplikasi digital berkualiti tinggi yang mampu membantu untuk membentuk sahsiah dan akhlak para pelajar melalui kecanggihan teknologi terkini. Syarikat milik penuh bumiputera ini turut mereka cipta pelbagai produk dan perkhidmatan digital dan multimedia yang berupaya memenuhi keperluan dan kehendak industri pendidikan era ini.

Futurity Resources juga giat untuk mempromosikan, mendidik dan memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan, keutamaan dan manfaat penggunaan teknologi digital, multimedia dan teknologi maklumat dalam bidang pendidikan. Di samping itu, usaha inovasi Futurity Resources ini berupaya mengekalkan tahap kualiti para pendidik dan sukatan pelajaran, operasi, pentadbiran, produk dan perkhidmatan yang patuh syariah sehingga syarikat ini berjaya mengekalkan prestasi yang cemerlang.

"Saya mula melibatkan diri dan menceburi industri pendidikan berkonsepkan teknologi digital kerana minat untuk mereka cipta, selain bakat yang saya miliki terhadap menghasilkan sesuatu produk baharu dan inovasi yang futuristik dan realistik yang membawa manfaat dalam bentuk didikan dan bimbingan kepada masyarakat," jelas Syed Huzaifah Syed Omar, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Futurity Resources Sdn. Bhd.,







